AUTHOR: No author available SECTION: NEWS AUDIENCE : 32,269 PAGE: 14 PRINTED SIZE: 93.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/White ASR: MYR 1,009 WORDS: 190
ITEM ID: DP0122349939

27 OCT, 2026

TNB zahir simpati kemalangan babitkan orang awam, pekerjanya

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

TNB zahir simpati kemalangan babitkan orang awam, pekerjanya

KUALA TERENGGANU: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menzahirkan rasa dukacita dan simpati kepada dua pekerjanya yang cedera serta tiga sekeluarga yang maut dalam kemalangan di Bukit Bauk berhampiran Simpang Durian Mentangau di Dungun petang semalam.

TNB dalam kenyataan semalam mengesahkan kemalangan melibatkan sebuah kenderaan awam dan kenderaan pasukan kerja.

"TNB menzahirkan rasa dukacita dan simpati kepada semua yang terlibat, khususnya keluarga tiga orang awam yang terkorban dalam kejadian tersebut," menurut kenyataan itu.

TNB juga menyatakan akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa berhubung siasatan kejadian tersebut.

Selain itu, syarikat tersebut juga akan memastikan kedua-dua pekerjanya yang cedera mendapat rawatan serta sokongan perubatan sewajarnya.

Dalam kejadian kira-kira 5.15 petang semalam, tiga sekeluarga maut apabila kenderaan pelbagai guna (MPV) Nissan Grand Livina yang dinaiki mereka terlibat dalam kemalangan dengan kenderaan pacuan empat roda milik TNB.

Tiga mangsa maut ialah pasangan suami isteri Mohamad Zulkefli Ishak, 32, isterinya Norshila Zali, 36, dan adik kepada Mohamad Zulkefli, Muhammad Alif Syukri Ishak, 18.

Dua pekerja TNB iaitu Mohamad Syafiq Nasrullah Said, 39, dan Muhammad Fadhlan Abd Manan, 32, mengalami cedera ringan. — Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.